

CNS7528

U GB 08-08 00176 BB245

Bah

Mahathir - Diplomat

DIPLOMAT PERLU MILIKI TIGA KRITERIA, KATA DR MAHATHIR

I

GENTING HIGHLANDS, 8 Ogos (Bernama) -- Dr Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi penekanan pentingnya menguasai bahasa Inggeris, salah satu daripada tiga kriteria yang perlu dimiliki oleh para diplomat Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan mereka ketika berurusan mengenai hal-ehwal antarabangsa.

Dua lagi kriteria ialah meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu politik dan ekonomi negara dan pentingnya kerjasama sektor awam dan swasta.

Ketika berucap merasmikan persidangan Ketua-ketua Perwakilan di Awana Golf Resort di sini, beliau berkata para diplomat perlu meningkatkan pengetahuan mereka mengenai perkara-perkara tersebut kerana ia akan membolehkan mereka menjadi jurucakap negara dengan lebih efektif.

Mengenai pentingnya bahasa Inggeris, Perdana Menteri berkata sebagai wakil negara di sebuah negara asing, para diplomat dapat menjalankan "perbincangan dengan bijak" jika mereka menguasai bahasa itu.

Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa, katanya, ia amat berguna bagi para diplomat terutama apabila membuat draf perjanjian.

"Untuk merundingi perjanjian, penguasaan bahasa Inggeris mestilah sempurna dan tepat," tambahnya. -- Lagi

▼08/08/12-49MST

U GB 08-08 00147 BA529

aab

Mahathir - Diplomat 2 Genting Highlands

Kira-kira 100 diplomat Malaysia menghadiri persidangan seminggu itu.

Dr Mahathir berkata bahasa Inggeris juga penting bagi mereka untuk mengadakan hubungan dengan pelbagai pihak yang berurusan dengan mereka.

Beliau menggesa mereka supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan bertutur dengan fasih bahasa itu "supaya kita dapat memahami apa yang ditakapkan kepada kita".

Perdana Menteri berkata ketua-ketua perwakilan yang ditauliahkan ke negara-negara di mana bahasa Inggeris bukan menjadi bahasa perhubungan seperti negara-negara Arab perlu juga mempelajari bahasa negara-negara berkenaan.

Beliau berkata adalah penting bagi para diplomat untuk mengambil inisiatif "memandangkan Malaysia kini memainkan peranan penting di arena antarabangsa".

Dr Mahathir berkata mereka juga perlu mempunyai pengetahuan mendalam mengenai isu-isu politik dan ekonomi negara kerana rekod kecemerlangan Malaysia dalam kedua-dua bidang itu perlu diketahui oleh negara-negara lain di dunia. -- Lagi.

▼08/08/16-57MST

aab

Mahathir - Diplomat 3 Genting Highlands

"Ini penting untuk mewujudkan imej baik mengenai Malaysia," kata Perdana Menteri.

Mengenai kerjasama sektor awam-swasta, beliau berkata diplomat perlu mahir mengenai konsep Persyarikatan Malaysia yang memberikan penekanan kepada hubungan rapat antara sektor awam dan swasta.

Beliau berkata mereka perlu memahami konsep itu untuk menhayati hakikat bahawa tanpa sektor swasta, kerajaan tidak akan mampu membiayai pembangunan infrastruktur dan membayar gaji kira-kira 850,000 kakitangannya.

Perdana Menteri juga menasihatkan mereka supaya membantu peniaga Malaysia dengan memaklumkan kepada mereka mengenai peluang-peluang perniagaan yang terdapat di negara tempat mereka bertugas.

Semasa bercakap dengan pemberita kemudiannya, Dr Mahathir berkata nasihat kepada ketua-ketua perwakilan itu ialah bertujuan untuk meningkatkan prestasi mereka selaras dengan peranan aktif Malaysia di arena antarabangsa.

-- Lagi.

▼08/08/18-02MST

CNS7850

U GB 08-08 00199 BA535

aab

Mahathir - Diplomat 4 (Akhir) Genting Highlands

Sebelum itu, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam ucapannya berkata, perubahan dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa mempunyai kesan-kesan dan implikasi tertentu kepada dasar politik dan ekonomi negara.

Katanya, dasar luar pro-aktif negara dan dasar-dasar pragmatik yang telah dilaksanakan bukan sahaja mendapat sanjungan daripada masyarakat antarabangsa tetapi telah berjaya membawa kemajuan pesat kepada negara serta meninggikan darjat dan martabat bangsa di mata dunia.

Bagaimanapun, pelaksanaan dasar-dasar itu perlu diubahsuai selaras dengan perubahan dalam arena politik dan ekonomi dunia supaya Malaysia dapat merebut peluang yang ada demi mencapai kejayaan yang lebih besar, katanya.

"Untuk itu, pegawai kita mesti mempunyai tahap keprihatinan dan kepekaan yang tinggi, pandangan yang tajam dan kritis, serta kemampuan bertindak dinamik dengan berpegang teguh kepada prinsip mengutamakan kepentingan negara," kata beliau.

Katanya lagi, perubahan penting yang berlaku di negara ini dan di peringkat antarabangsa bermakna tanggungjawab perwakilan Malaysia di luar negara juga akan meningkat dan lebih mencabar.

Yang hadir ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. -- Bernama.

ES OBA

▼08/08/18-03MST